

23/06/2002

Dua isu utama kelemahan Melayu

Syed Akbar Ali

DALAM uapctama perasmian Perhimpunan Agung Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Umno dan Perdana Menteri telah membangkitkan dua isu utama yang masih gagal membawa kesan positif terhadap pembangunan umat Melayu yang progresif. Satu daripadanya ialah budaya hidup berkeluarga di kalangan orang Melayu yang lemah dan satu lagi ialah peranan guru terutama sekali guru agama yang patut melahirkan generasi umat Melayu yang jauh lebih baik daripada kaum lain.

Dr Mahathir menyebut mengenai 'broken family' atau keluarga yang tidak bahagia, dengan perceraian ibu dan bapa yang terdapat lebih ramai di kalangan orang Melayu.

Mengikut Dr Mahathir, "Ada yang bercerai dan ada yang tidak ambil berat akan nasib isteri-isteri yang tidak diceraikan, dengan tekanan emosi dan perasaan ke atas mereka yang tidak mendapat layanan yang sewajarnya sebagai isteri. Kita boleh tafsirkan keadaan yang terdapat sebagai 'broken family' atau keluarga yang kurang atau tidak bahagia. Sudah tentu keluarga seperti ini tidak memberi teladan dan contoh yang baik bagi anak, tidak dapat mendidik anak dengan berkesan. Tak mungkin bapa memberi masa dan perhatian kepada semua anak daripada semua isteri, terutama isteri yang bukan 'favourite'nya."

Seorang sahabat penulis daripada keturunan Cina yang beragama Islam yang juga seorang ahli ekonomi pernah memberi ungkapan 'Impoverishment of the Modern Malays' untuk merakam teori mengenai faktor yang mengakibatkan kemiskinan di kalangan orang Melayu moden.

Teori ini adalah selari dengan pendapat perdana menteri tentang 'broken homes' atau keluarga yang mengalami keresahan akibat daripada perbuatan ayah mengahwini lebih daripada seorang isteri dan kemudian meninggalkan atau tidak menjaga baik isteri isteri lain.

Sebelum kejayaan Dasar Ekonomi Baru, orang Melayu kebanyakannya adalah penghuni luar bandar dan belum mencapai tahap kekayaan dan kejayaan seperti sekarang. Hidup di kampung mempunyai peraturan yang tertentu yang juga tidak membenarkan kaum lelaki terlalu banyak peluang, kebebasan atau harta untuk mencari isteri muda. Tetapi dalam keadaan sekarang di mana majoriti orang Melayu adalah penghuni 'bandar, orang Melayu lebih bebas bergaul, mempunyai masa lapang dan juga mempunyai kesenangan untuk mengahwini lebih daripada satu isteri.

Masalah 'broken homes' timbul apabila isteri tua termasuk anak-anaknya ditinggalkan atau kurang diberi perhatian. Anak-anak itu membesar tanpa kasih 'sayang dan asuhan seorang ayah. Mereka juga sering merasa marah terhadap ayah yang telah meninggalkan mereka.

Penulis pernah menemui anak muda yang memohon jawatan yang enggan menulis nama penuh ayah mereka dalam borong permohonan atas sebab tidak tahu di mana ayah mereka. Sebenarnya itu hanya alasan untuk menutup kemarahan dan rasa benci terhadap ayah yang telah meninggalkan mereka untuk mengahwini isteri lain.

Tanpa bimbingan seorang ayah ataupun apabila seorang ayah itu kurang bertanggungjawab terhadap keluarganya akibatnya ialah 'broken homes' di mana anak anak membesar tanpa mengenali isi dan kestabilan rumah tangga yang bahagia. Kemungkinannya paling besar apabila anak-anak itu pula menjadi dewasa, mereka tidak tahu menjadi ayah atau ibu yang baik dan bertanggungjawab kerana mereka tidak berpeluang melihat uswah atau 'role model' yang baik yang boleh dicontohi.

Isteri tua yang ditinggalkan atau yang kurang diberi perhatian juga mengalami masalah ekonomi dan kemiskinan. Tanpa suami untuk menyara kehidupan, isteri tua terpaksa menanggung beban mencari nafkah hidup. Akibatnya ialah mereka kembali menjadi miskin, terutama sekali di kawasan bandar di mana tanpa pendapatan tetap mereka terpaksa menghadapi berbagai rintangan. Dan yang menjadi mangsa utama adalah anak-anak yang bukan saja miskin tetapi mereka tidak dikawal atau dijaga oleh ibu tunggal yang terpaksa menghabiskan masa mencari nafkah hidup.

Anak-anak demikian belajar hidup secara bebas dan terdedah kepada banyak gejala sosial seperti bergaul bebas, bergaul dengan orang yang tidak umur sebaya, dadah, maksiat, lepak dan sebagainya.

Seperti mana disebut Dr Mahathir, mungkin sehingga kini belum ada lagi satu kajian terperinci untuk menguji teori tentang masalah 'broken homes' di kalangan orang Melayu. Kita patut menangani perkara ini dengan bijaksana dan betul kerana masalah ini boleh menjejaskan usaha untuk membangunkan satu umat Melayu Islam yang maju. Kaum lain yang bukan Islam, yang tidak mengahwini lebih daripada seorang isteri tidak menghadapi masalah ini. Selain daripada ekonomi dan sosial, kaum lain juga mendahului orang Melayu dari segi kestabilankeluarga dan mendirikan rumah tangga yang berjaya. Mereka lebih menghayati konsep 'Rumahku Syurgaku'.

Masalah 'broken homes' yang diutarakan oleh Perdana Menteri juga mendedahkan kelemahan ajaran ulama agama mengenai poligami. Islam memang membenarkan poligami ia itu lelaki dibenarkan kahwin lebih daripada seorang isteri.

Tetapi poligami yang disebut dalam al-Quran menunjukkan beberapa syarat yang berkaitan dengan penjagaan anak-anak yatim.

Maksud al-Quran: "Dan berikanlah kepada anak-anak yatim itu harta mereka, dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu kerana sesungguhnya itu adalah dosa yang besar.

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan yang baik bagi kamu dari wanita: dua, tiga atau empat. Jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil maka (berkahwinlah dengan) seorang saja, atau dengan apa yang tangan kanan kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman." Surah 4:2-3.

Poligami digalakkan untuk tujuan membantu dan berlaku adil terhadap anak-anak yatim ia itu dengan mengahwini ibu-ibu anak yatim yang tidak mempunyai ayah. Tetapi jika kita tidak dapat berlaku adil antara isteri-isteri, maka nasihat Maha Suci Allah ialah untuk mengahwini seorang isteri saja.

Soalannya bolehkah kaum lelaki berlaku adil secara saksama antara isteri-isteri mereka? Jawapan bagi soalan ini adalah sungguh jelas sekali:

"Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang) dan jika kamu memperbaikidkan memelihara diri maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." -Surah 4:129.

Walaupun lelaki tidak boleh berlaku adil secara saksama antara isteri-isteri mereka, dan boleh menimba dosa pula dalam keadaan itu, poligami tetap dibenarkan Islam. Ini bermaksud bahawa poligami adalah satu risiko besar di manal lelaki yang rela menceburi satu keadaan yang boleh mengakibatkan dosa didorong oleh niat baiknya untuk menjaga kepentingan anak-anak yatim dengan mengahwini ibu-ibu mereka.

Bukan saja paling ramai kaum wanita akan terselamat rumah tangga mereka daripada kesan negatif poligami, tetapi ibu yang telah kehilangan suami

boleh mengharapkan perlindungan daripada amalan positif poligami. Jika dikaji dengan teliti ajaran al-Quran memberi penyelesaian yang paling baik kepada semua masalah kita, terutama sekali umat Melayu.

Seterusnya dalam ucapannya Dr Mahathir menyentuh tentang peranan amat penting yang di mainkan guru terutama sekali guru agama kerana didikan agama boleh menyedarkan anak-anak kita akan buruk baiknya sesuatu. Dr Mahathir berkata guru yang mengabaikan tugas pendidikan ini, yang sebaliknya mengajar supaya bermusuhan dan membenci sesama orang Melayu dan Islam, dan tidak menyemaikan nilai-nilai Islam yang sebenar, mereka itu mengkhianati agama dan bangsa Melayu.

Selain daripada kajian terperinci mengenai masalah 'broken homes' yang berakibat daripada poligami yang masih belum dibuat oleh sesiapa pun, termasuk universiti tempatan, kita juga harus membuat kajian terperinci mengenai kesan ajaran agama dan guru agama terhadap anak-anak Melayu. Kita patut bersyukur kerana mempunyai peluang baik membuat perbandingan antara rakyat yang berbilang kaum dalam negara kita supaya kita boleh memahami kekuatan dan kelemahan masing-masing.

Apakah sebabnya walaupun begitu banyak penekanan diberi terhadap pengajaran agama daripada peringkat tadika hingga ke peringkat universiti umat Melayu masih tidak terlepas daripada masalah sosial, sumbang mahram, dadah, HIV dan sebagainya. Apakah perbezaannya antara umat Melayu dan kaum lain yang walaupun bukan Islam mereka tidak mengalami masalah yang sama?

Pengajaran agama di semua peringkat lebih tertumpu kepada mengajar upacara-upacara tertentu (ritualistic religion). Anak-anak muda sentiasa ditakuti dengan ancaman bala Tuhan, bala neraka dan gejala buruk yang bakal berlaku jika mereka tidak menepati upacara-upacara agama.

Seolah itu saja tujuan agama. Mereka tidak diajar nilai-nilai Islam yang sebenarnya terutama sekali daripada Kitab al-Quran. Sedih sekali ramai guru agama sendiri tidak tahu apa isi kandungan al-Quran. Baru-baru ini penulis menemui seorang Muslimat yang menghadiri kelas agama selama lebih dua belas tahun dengan beberapa tok guru yang masih tidak tahu bilangan surah dalam al-Quran.

Akibat daripada pendekatan yang bercorak upacara ini dan juga pendekatan menakutkan anak-anak dengan dosa, bala dan api neraka maka daripada usia yang muda lagi umat Melayu belajar mengira dosa dan pahala sesama sendiri dan pintar menjaga tepi kain orang. Ramai orang sembahyang bukan kerana benar-benar hendak sembahyang tetapi takut ditegur orang lain. Ramai wanita memakai tudung bukan saja sebagai fesyen tetapi kerana takut ditegur orang lain. Tidak ada nilai yang baik dan kukuh diajar kepada anak-anak kita.

Yang diajar ialah cara menghukum orang lain dan mengira dosa dan pahala masing-masing.

Penulis terkejut mendengar kisah murid-murid ahli persatuan pertanian di sebuah sekolah rendah yang menjejaskan dan membunuh seekor cicak dalam kebun tanaman kerana mereka diajar bahawa membunuh cicak itu membawa pahala.

Dalam proses membunuh cicak itu mereka tidak peduli bahawa tanaman kebun turut menjadi rosak. Cicak sebenarnya dicipta oleh Maha Suci Allah untuk memakan serangga perosak dan sebagainya yang boleh merosakkan tanaman.

Tidak ada nilai murni yang kita memberi kepada anak-anak kita melainkan fahaman bahawa membunuh makhluk tertentu itu membawa pahala. Murid bukan Islam pula merasa hairan dan ketawakan perbuatan anak Islam yang begitu ganas. Kemungkinannya tanaman mereka membawa hasil juga.

Kita amat kesuntukan masa. Selepas 30 tahun menjalankan dasar untuk membangunkan umat Islam, kita telah berjaya dengan sungguh cemerlang dalam pembangunan fizikal umat Islam. Dengan bantuan yang diberi umat Islam turut mempunyai harta, rumah, kereta dan boleh hidup dengan baik.

Tetapi untuk mengekalkan dan meningkatkan kedudukan umat Islam, kita

perlu membentuk dasar yang akan membentuk minda pemikiran yang baru.

Satu lonjakan paradigma mesti dibuat dengan cepat dan tepat yang antara lainnya akan mengukuhkan minat kaum lelaki untuk kahwin satu saja dan juga menyelamatkan cicak daripada dibunuh secara beramai oleh murid sekolah rendah.

(END)